

NO.SOALAN : 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH JAWAPAN : 8 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kenapa rakyat tidak menikmati kadar elektrik yang lebih rendah apabila bahan bakar untuk menjana elektrik seperti arang batu, gas dan petroleum telah turun mendadak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Penentuan tarif elektrik di Semenanjung adalah dibuat berdasarkan kerangka *Incentive-Based Regulation* (IBR), dengan izin, yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu komponen tarif asas (*Base Tariff*), dan komponen *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT), dengan izin.
2. Tarif asas ditetapkan oleh Kerajaan setiap 3 tahun manakala komponen ICPT diselaraskan setiap 6 bulan dengan mengambil kira perubahan kos penajaan dan kos bahan api. Bagi tempoh 2014 hingga 2017, Kerajaan telah menetapkan komponen tarif asas pada kadar 38.53 sen/kWj.
3. Bagi komponen ICPT pula, Kerajaan telah membuat pelarasan sebanyak 6 kali sejak Mac 2015 yang melibatkan pemberian rebat elektrik berjumlah RM5.4 billion. Pengguna dapat menikmati rebat elektrik ini susulan harga bahan api utama dalam penajaan

elektrik iaitu arang batu dan *liquefied natural gas* (LNG) telah menunjukkan trend penurunan pada tahun 2015 dan 2016. Oleh itu dalam tempoh tersebut, melalui pemberian rebat elektrik, pengguna telah menikmati kadar tarif yang lebih rendah.

Sekian, terima kasih

NO. SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH

TARIKH : 8 OGOS 2017

RUJUKAN : 10047

SOALAN :

Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah status terkini pembukaan CIQ baru di Pandam, Limbang, Sarawak (Malaysia) dan Lumapas (Brunei) untuk mencegah kesesakan dan que yang panjang sehingga terpaksa menunggu sehingga 5 jam di CIQ Tedungan, Pandaruan dan Merapok semasa cuti-cuti Hari Perayaan yang bertembung antara Malaysia dan Brunei.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (*Customs, Immigration and Quarantine - CIQ*) di Pandam, Limbang tiada dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11). Mana-mana cadangan pembukaan Pintu Masuk antara Malaysia (Sarawak) dan Brunei Darussalam perlu mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu dan dipanjangkan hasrat kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) setelah mendapat kelulusan. KDN kemudiannya mengemukakan hasrat pembukaan mana-mana Pintu Masuk kepada Pejabat Perdana Menteri (JPM) untuk dibincangkan di dalam '*Annual Consultation*' di antara pemimpin-pemimpin negara Malaysia dan Brunei Darussalam.